

Raja Perlis mahu kumpulan asnaf teroka, kuasai pelbagai kemahiran

Jana kecemerlangan secara berjadual



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail melakukan gilimik perasmian sambil diperhatikan oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid (dua dari kanan), Tuanku Syed Falzuddin Putra Jamalullail (dua dari kiri) dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (kanan) dalam Majlis Perasmian Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup, Chuping di Padang Besar, Perlis, semalam.

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI

utusanperlis@utusan.com.my

Um/26.11.13 / 34 / 1101PS - Padang Besar

PADANG BESAR

27 Nov. - Golongan asnaf perlu berusaha meneroka bidang-bidang baharu bagi membina keyakinan dan jati diri supaya mereka mampu mengubah diri serta keluarga masing-masing.

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bertitah, ini kerana kesusahan yang dihadapi oleh golongan berkenaan tidak bererti akan menjadikan mereka susah selama-lamanya.

"Berusahalah untuk meneroka peluang dalam pelbagai bidang baharu, seperti keusahawanan dan kemahiran selain terlibat dengan kerja-kerja agropetanian yang telah disediakan.

"Janganlah mudah berasa jemu dengan ilmu dan janganlah malu untuk bertanya kepada mereka yang tahu sebagaimana kata pepatah 'malu bertanya, sesat jalan,'" titah baginda ketika merasmikan Taman Desa Asnaf, Batu Bertangkup di sini hari ini.

Berangkat sama Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir Menteri Besar, Azlan Man dan anggota Exco Ke-

Janganlah mudah berasa jemu dengan ilmu dan janganlah malu untuk bertanya kepada mereka yang tahu sebagaimana kata pepatah 'malu bertanya, sesat jalan'

TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
Raja Perlis

rajaan Negeri Perlis.

Di samping itu, titah Tuanku Syed Sirajuddin Putra lagi, para penghuni Taman Desa Asnaf sewajarnya menjaga kerukunan keharmonian sesama mereka.

"Elakkanlah berprasangka buruk, fitnah memfitnah dan perlu menjauhi gejala yang tidak sihat, sebaliknya menjuruskannya keutamaan kepada perpaduan dan kesatuan."

"Perteguhkan juga ibadah dan dekatkan diri dengan Allah sentiasa. Insya-Allah, Taman Desa Asnaf ini mampu menjadi perangkap kepada pembentukan masyarakat madani," titah baginda.